

OKTOBER

BIL.10/2022

PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

INFO@MAFI



BAJET

2023

MEMPERKASA AGENDA SEKURITI MAKANAN NEGARA

www.mafi.gov.my     @mafimalaysia

BAJET 2023 : MEMPERKASA AGENDA SEKURITI MAKANAN NEGARA

PARLIMEN, KUALA LUMPUR | 7 OKTOBER 2022

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyambut baik Bajet 2023 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul pada tahun ini.

Dalam Bajet 2023, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM372.3 bilion kepada MAFI dan ia merupakan jumlah yang lebih tinggi berbanding tahun sebelum ini, membuktikan peranan penting MAFI dalam melaksanakan pelbagai program, projek serta inisiatif strategik dan bersasar bagi mengukuhkan sekuriti makanan negara dalam tempoh ekonomi yang lebih mencabar pada tahun hadapan.

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5.32 bilion kepada MAFI merangkumi perbelanjaan mengurus (OE) sebanyak RM3.78 bilion dan perbelanjaan pembangunan (DE) sebanyak RM1.54 bilion. Pertambahan sebanyak 10.4% berbanding Bajet 2022 membuktikan keprihatinan Kerajaan dalam memacu sektor agromakanan supaya menjadi sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

Pelbagai inisiatif baharu yang mengambil kira aspek pemerkasaan ekonomi, perlindungan sosial dan kemampan alam sekitar akan dilaksanakan pada tahun 2023. Perbelanjaan Mengurus (OE) dalam Bajet 2023 pula, MAFI menerima keseluruhan RM1.8 bilion di bawah program khusus untuk meneruskan pemberian subsidi dan insentif bagi industri padi dan sektor perikanan.

Peruntukan yang diluluskan ini meningkat sebanyak RM500 juta berbanding tahun 2022. Peruntukan ini termasuk RM1.62 bilion bagi subsidi benih, baja dan harga padi termasuk subsidi baja padi huma. Selain itu, insentif hasil tangkapan nelayan juga turut disediakan berjumlah RM178.2 juta.

Peningkatan pengeluaran hasil padi sebanyak dua juta tan metrik setahun diambil kira berikutan pelaksanaan Program SMART SBB melalui pengurusan sawah secara berskala besar dalam peruntukan ini. Selain itu, keperluan benih padi sebanyak 72,000 tan metrik juga diperlukan untuk menampung situasi luar jangka akibat bencana alam seperti kemarau dan banjir.

Perbelanjaan Mengurus (DE) diperuntukkan sebanyak RM2 juta selaras dengan momentum pelaksanaan projek yang telah memasuki separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Secara keseluruhannya, pelbagai projek akan dilaksanakan oleh jabatan dan agensi di bawah MAFI pada tahun 2023 untuk merencanakan lagi aktiviti pertanian serta meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pengeluaran makanan.

MAFI akan terus mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan sosioekonomi bagi semua kumpulan sasar termasuk pesawah, petani, penternak, nelayan dan pengusaha agromakanan. Peranan barisan hadapan sektor agromakanan negara akan terus diperkasa dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia, selain menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara seiring dengan agenda Bajet 2023 yang responsif, bertanggungjawab dan reformis.



BAJET
2023

RM5.32 BILION

Perbelanjaan
Mengurus

RM3.78 bilion

Perbelanjaan
Pembangunan

RM1.54 bilion

PROGRAM KHUSUS SUBSIDI DAN INSENTIF



INISIATIF MEMPERKUKUH SEKURITI MAKANAN



1



BAJET 2023



Subsidi & Insentif Pesawah dan Nelayan

RM1.8 billion

Harga padi, baja padi, benih padi sah, baja padi hurma & insentif pengeluaran padi serta insentif tangkapan hasil nelayan

KEKUSURAN MALAYSIA

2



BAJET 2023



Program Pelaburan Agrovest

RM250 juta

Penyediaan dana permulaan oleh Agrovest kepada syarikat pemula pertanian berteknologi moden

AGRO BANK

KEKUSURAN MALAYSIA

3



BAJET 2023



Bantuan kepada Pesawah Padi

RM228 juta

Bantuan khas kepada pesawah RM200 sebulan untuk tempoh 3 bulan atau seramai kepada 240,000 pesawah

KEKUSURAN MALAYSIA

4



BAJET 2023



Menyokong Usaha Pertanian Lestari

RM56 juta

Peruntukan kepada MAFI untuk pelbagai inisiatif seperti pemboangan kelestarian agromakanan

KEKUSURAN MALAYSIA

5



BAJET 2023



Skim Perlindungan Pertanian

Melindungi daripada sebarang risiko luar kawalan

KEKUSURAN MALAYSIA

6



BAJET 2023



Galakan Cukai bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan

Pelanjutan tempoh sehingga 2025 dan polusan skop merangkumi projek pertanian moden berasaskan Controlled Environment Agriculture

KEKUSURAN MALAYSIA

7



BAJET 2023



Skim Pembiayaan Agrofood BNM

RM1 billion

Untuk pengusaha agromakanan meningkatkan produktiviti

BAJIT NEGARA MALAYSIA

KEKUSURAN MALAYSIA

8



BAJET 2023



Dana Pinjaman Kerajaan

RM10 billion

Penyediaan dana oleh Bank Negara Malaysia kepada PKS bagi menggalakan aktiviti automasi dan pengidialan

BAJIT NEGARA MALAYSIA

KEKUSURAN MALAYSIA

9



BAJET 2023



Jaminan Pembiayaan

RM9 billion

Pembiayaan baharu kepada PKS oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan termasuk sektor agromakanan

BAJIT NEGARA MALAYSIA

KEKUSURAN MALAYSIA

10



BAJET 2023



Pelaburan GLC & GLIC dalam Projek Sekuriti Makanan

RM1.35 billion

Peranan GLC dan GLIC sebagai nadi penggerak ekonomi negara

KEKUSURAN MALAYSIA

11



BAJET 2023



Dana Impak

RM200 juta

Fokus untuk meningkatkan pendapatan & produktiviti pokokun kecil

BAJIT NEGARA MALAYSIA

KEKUSURAN MALAYSIA

12



BAJET 2023



Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia

RM100 juta

Pembiayaan bagi membantu koperasi mengembangkan industri agromakanan

KEKUSURAN MALAYSIA

13



BAJET 2023



Pemberian Elaun Modal Dipercepatkan dan Pengecualian Cukai Pendapatan 100%

Pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas perbelanjaan modal bagi memacu produktiviti serta meningkatkan kecakapan melalui automasi dalam sektor pertanian yang mengadapi elemen IT & IoT serta pengusaha sistem reban tertutup

KEKUSURAN MALAYSIA

14



BAJET 2023



Pelanjutan Insentif Cukai sehingga 2024 dan Pengecualian Cukai Pendapatan 100% bagi Syarikat Berstatus BioNexus

Meningkatkan produktiviti pertanian serta membunkam pendekatan pertanian yang lebih mesra alam

KEKUSURAN MALAYSIA

15



BAJET 2023



Projek Tenusu di Chuping, Perlis

RM80 juta

KEKUSURAN MALAYSIA

16



BAJET 2023



Program Pembangunan Semula Hasil Baharu

RM40 juta

Menggalakan pelaburan kecil meneroka pendapatan baharu selain gahat seperti makanan jangka pendek

KEKUSURAN MALAYSIA

17



BAJET 2023



Inisiatif Agropenjara

RM10 juta

Aktiviti pertanian bagi banduan, 70 hektar tanah penjara

KEKUSURAN MALAYSIA

18



BAJET 2023



Program Mengoptimumkan Tanah Terbiar

Memfaatkan tanah-tanah terbiar di bawah MAFI dan agensi yang berkaitan

KEKUSURAN MALAYSIA

19



BAJET 2023



Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia

Memberi fokus kepada galakan tanaman makanan rendah SSL seperti cili, halia & kobis

KEKUSURAN MALAYSIA

20



BAJET 2023



Penyelenggaraan Jalan Pertanian Negeri

RM5.2 billion

Peluasan skop MARRIS merangkumi kerja penyelenggaraan jalan pertanian negeri di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian

KEKUSURAN MALAYSIA

PERASMIAN SEMINAR MEMPERKASA INDUSTRI BENIH NEGARA 2022

PACIFIC REGENCY HOTEL, KUALA LUMPUR | 11&12 OKTOBER 2022



Menyedari kepentingan benih sebagai bahan asas kepada penghasilan tanaman makanan, Jabatan Pertanian dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), ASEAN Seed Council, National Seed Association Malaysia (NSAM) dan The Asia and Pacific Seed Association (APSA) telah menganjurkan Seminar Memperkasakan Industri Benih Negara 2022 dan *International Webinar on Paving the Way for Seed Industry 2022* secara hibrid.

Bertemakan Benih Berkualiti Asas Sekuriti Makanan, program ini telah berjaya menghimpunkan hampir kesemua pemegang taruh terutamanya pemegang polisi, pemain industri, penyelidik, pengeluar bahan tanaman, saintis dan agen pengembangan yang terlibat secara langsung dalam pembangunan industri benih tanaman negara.

Seminar ini juga menggalakkan pengeluar, pembiak baka dan penyelidik berkongsi aktiviti dan program penyelidikan serta pembangunan (R&D) khususnya pembangunan varieti benih baharu bagi memajukan industri benih tanaman negara.

Kerajaan sentiasa memberikan fokus kepada pengeluaran bahan tanaman tulen, berkualiti dan bebas penyakit melalui pematuhan kepada prosedur pengeluaran bahan tanaman dan pencapaian *standard* yang ditetapkan melalui pembangunan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) dan Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) oleh Jabatan Pertanian.

Dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), MAFI melalui Jabatan Pertanian telah memperuntukkan sebanyak RM16 juta bagi Projek Pengeluaran Benih Tanaman Berkualiti dan RM4.6 juta bagi melaksanakan Projek Pengukuhan Kualiti Bahan Tanaman yang mampu memperkasakan lagi pembangunan industri benih tanaman yang akan memberi manfaat secara langsung kepada sektor agromakanan negara.

Seminar turut membuat perkongsian kaedah pertanian berteknologi tinggi IR 4.0 daripada pakar dalam dan luar negara untuk dimanfaatkan oleh pemain industri benih tempatan dengan mengadaptasi teknologi tersebut dalam perusahaan mereka.

Jabatan Pertanian Malaysia akan memperkasakan industri benih tanaman negara menerusi mekanisme kawalan secara regulatori yang bersifat holistik bagi melindungi kepentingan petani atau pengguna supaya benih tanaman yang berada di pasaran adalah tulen dan berkualiti tinggi.



MALAM PESTA WALET BELURAN



BELURAN, SABAH | 15 OKTOBER 2022

Industri sarang burung walet berpotensi besar diusahakan kerana mempunyai nilai eksport yang ketara dan boleh dijadikan sebagai sumber kekayaan baharu untuk negara.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dengan kerjasama NAFAS, KADA dan Pertubuhan Peladang Kawasan Beluran telah menganjurkan Malam Pesta Walet Beluran baru-baru ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, industri tersebut telah berjaya menjana pendapatan mereka dan Daerah Beluran merupakan pengeluar sarang burung walet utama di Sabah.

Nilai eksport sarang burung walet Malaysia pada tahun 2021 direkodkan sebanyak RM1.8 billion dan ia meningkat kepada RM1.21 bilion pada September lalu.

Pada majlis itu, Datuk Seri Ronald Kiandee telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Pemasaran Walet antara Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran dengan Syarikat Nestlin Sdn. Bhd.

YB Menteri MAFI turut menyerahkan replika cek kepada PPK Beluran bagi Program Agriprenitice Projek Rumah Burung Sarang Walet yang bernilai RM100,000.

Pusat Pemprosesan Sarang Burung Walet PPK Beluran yang memberi manfaat kepada lebih 800 pengusaha sarang burung walet di Beluran telah dirasmikan dalam program itu.

Pesta ini secara langsung mempromosikan industri sarang burung walet selain menjadi tempat untuk menyampaikan pendekatan, dasar-dasar, program dan insentif terkini kerajaan kepada penduduk setempat.

KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR BRAZIL KE ATAS YB MENTERI MAFI

BANGUNAN LPP, KUALA LUMPUR | 6 OKTOBER 2022

YB Menteri MAFI menerima kunjungan hormat T.Y.T. Ary Norton De Murat Quintella, Duta Besar Brazil ke Malaysia di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur.

Hasil kerjasama dua hala antara Malaysia dan Brazil dalam bidang pertanian menunjukkan pertumbuhan yang positif. Jumlah nilai perdagangan pertanian antara kedua-dua negara ini telah meningkat sebanyak 19.24% bernilai RM5.02 billion pada tahun 2021 berbanding RM4.21 billion pada tahun 2020.

Brazil merupakan tiga negara utama pengeluar dan pengeksport komoditi makanan terbesar di dunia, antaranya, kopi, kacang soya, daging lembu, tebu, dan ayam beku.

Pelbagai usaha strategik telah dirancang untuk mengukuhkan lagi agenda sekuriti makanan negara serta memperkasa hubungan dua hala yang lebih rapat dalam sektor agromakanan.

Pertemuan ini membincangkan pelbagai isu berkaitan sekuriti makanan dan situasi semasa berkaitan kelangsungan bekalan makanan negara serta pelaburan pertanian di Malaysia. Akses produk daging dan ayam serta hasil audit ke atas loji penyembelihan dan pemrosesan yang telah dijalankan di Brazil juga dibincangkan.

Kerjasama MAFI dan Brazil diperkukuhkan melalui Joint Trade Committee (JTC) dalam pembangunan pengeluaran jagung bijian, penyelidikan tanaman industri yang berpotensi seperti kacang soya serta kerjasama teknikal dalam tanaman kelapa dan akuakultur.

MAFI mengalu-alukan sebarang bentuk kerjasama dengan Brazil bagi meneroka potensi dalam sektor pertanian dan industri makanan yang akan membawa faedah bersama dalam pembangunan ekonomi kedua-dua buah negara.



HARI LADANG IADA KEMASIN SEMERAK

BACHOK, KELANTAN |
26 OKTOBER 2022



Program Hari Ladang IADA Kemasin Semerak 2022 telah dianjurkan bersama Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) yang dirasmikan oleh Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian I, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di Lubok Tembesu, Bachok, Kelantan.

YB Timbalan Menteri I MAFI telah menyaksikan penyerahan dokumen penyertaan oleh pesawah IADA Kemasin Semerak sebagai peserta Program SMART SBB BERNAS dan dokumen tersebut telah diterima oleh Pengarah Urusan Kumpulan BERNAS, Dato' Haris Fadzilah Hassan.

SMART SBB IADA Kemasin Semerak ditubuhkan pada tahun 2021 melibatkan penyertaan 34 orang peserta yang mengusahakan sawah seluas 73 hektar di Kumpulan Pengguna Air (KPA) Tok Khamis, Pasir Puteh, Kelantan.

Impak pelaksanaan Program SMART SBB dapat dibuktikan menerusi hasil pengeluaran peserta di KPA Tok Khamis yang meningkat sebanyak 38 peratus dalam tempoh dua musim, iaitu daripada 3.8 tan metrik per hektar pada musim utama tahun 2021/2022 kepada 5.3 tan metrik per hektar pada musim penanaman luar musim 2022.



PROGRAM MAKAN BUAH NANAS SEGAR & AGIHAN AYAM NANAS

PASIR PUTEH, KELANTAN |
29 OKTOBER 2022

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Negeri Kelantan telah menganjurkan Program Promosi Makan Buah Nanas Segar dan Agihan Ayam Nanas Tahun 2022.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II.

Promosi makan buah nanas segar ini menggalakkan orang ramai memakan buah nanas dan mengenali beberapa jenis nanas di negeri Kelantan seperti Nanas MD2, Madu Kaca dan Cobek.

Sebanyak 350 ekor Ayam Nanas diagihkan kepada orang awam yang hadir sebagai salah satu inisiatif LPNM Negeri Kelantan memperkenalkan ayam organik pertama di Malaysia.

Ayam Nanas ini beri makanan tambahan daripada enzim Bromelain yang diekstrak dari Nanas Varieti MD2 bagi menghasilkan daging ayam yang lebih lembut dan berkhasiat.

LPNM Negeri Kelantan juga turut menyampaikan bantuan tanaman nanas dan insentif Projek Kebitaraan kepada peserta yang terlibat.

Bantuan dan insentif yang diberikan dapat merancakkan sektor industri nanas negara dengan peningkatan kualiti dan produktiviti hasil pengeluaran buah nanas.





MESYUARAT MENTERI PERTANIAN DAN PERHUTANAN ASEAN KE - 44

WISMA TANI, PUTRAJAYA | 25 OKTOBER 2022

Mesyuarat Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN Ke-44 (44'th AMAF Meeting) dan Mesyuarat AMAF Campur Tiga Ke-22 (22nd AMAF Plus Three Meeting) telah diadakan secara dalam talian yang dianjurkan oleh Lao People's Democratic Republic (PDR).

Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Malaysia (MAFI) mewakili Menteri Pertanian Malaysia, telah mengetuai delegasi Malaysia yang dianggotai oleh 19 orang pegawai di mesyuarat tersebut.

Malaysia telah menekankan kepentingan kesemua negara anggota ASEAN bagi menyediakan persekitaran yang kondusif dan disokong oleh dasar untuk menggalakkan penerimaan dan pelaksanaan inisiatif ke arah pembangunan sektor pertanian yang mampan dan berdaya tahan.

Pelaksanaan inisiatif tersebut dikhususkan dalam inisiatif pertanian kitaran (*circular agriculture*), penyahkarbon aktiviti pertanian (*decarbonisation*), teknologi digital dan bioteknologi.

Selain itu, Malaysia dan semua negara anggota ASEAN (AMS) bersetuju agar operasi ASEAN Plus Three Emergency Rice Reserve (APTERR) dan Sistem Maklumat Sekuriti Makanan ASEAN (ASEAN Food Security Information System - AFSIS) diteruskan bagi mengukuhkan agenda sekuriti makanan ASEAN.

AMS juga menyampaikan penghargaan kepada negara Jepun dan Korea kerana telah menyumbang sebanyak 7,137.8 metrik tan beras sebagai bantuan kecemasan makanan kepada Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam pada tahun 2022 melalui operasi APTERR.

Pada majlis yang sama, rakan strategik ASEAN iaitu negara China, Jepun dan Korea juga membentangkan perancangan program dan aktiviti kolaborasi bersama ASEAN untuk tahun 2023.

Malaysia mengalu-alukan semua program dan aktiviti yang dirancang, khususnya pembangunan kapasiti petani dan pemindahan teknologi pertanian. Malaysia turut mengesahkan persetujuan untuk menadi tuan rumah bagi penganjuran Mesyuarat AMAF Ke-45 dan mesyuarat-mesyuarat lain yang berkaitan pada tahun 2023.





HARI SUKAN NEGARA 2022.

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah merasmikan Agro Fun Run 2022 di Taman Botani Negara, Shah Alam sebagai tanda sokongan terhadap sambutan Hari Sukan Negara 2022.

YBhg. Dato' KSU turut menyempurnakan Pelepasan 2000 Benih Ikan Lampam pada program tersebut anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

SAMBUTAN HARI PSIKOLOGI MAFI

Sambutan Hari Psikologi MAFI telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri I, YB Datuk Seri Hj Ahmad bin Hamzah. Program ini dianjurkan bertujuan memberi pendedahan dan kesedaran kepada warga MAFI tentang kepentingan penjagaan kesejahteraan kesihatan mental dalam menjalankan tugas dan demi pembangunan sendiri serta kerjaya setiap individu.

Sepanjang program, beberapa slot ceramah bicara psikologi telah diadakan sepanjang program seperti perkongsian pengalaman dan terapi seni melalui tarian, muzik, nyanyian, drama, permainan dan pelbagai bentuk ekspresi kreatif.

Penganjuran program ini diharap dapat memberi impak kepada semua peserta yang hadir agar dapat diterapkan dalam urusan seharian selain menjadi wadah untuk meningkatkan motivasi dan pemikiran positif di kalangan peserta.



LAWATAN KERJA KE MENARA BERKEMBAR PETRONAS KLCC

Pengurusan Tertinggi MAFI yang diketuai Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd telah mengadakan lawatan kerja ke Menara Berkembar PETRONAS KLCC bagi menghadiri taklimat Jawatankuasa Teknikal Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras Negara.

Taklimat ini turut dihadiri oleh wakil daripada Bahagian / Unit di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Lawatan kerja rasmi ini diharapkan dapat membentuk sinergi dan kerjasama strategik awam-swasta demi memperkukuh industri padi beras serta menjamin sekuriti makanan negara.

LENSA MAFI



1 Oktober | Melaka
Majlis Penyerahan Bantuan Program Rezeki Ternak Unggas dan Pertanian Organik



18 Oktober | Serdang
Hari Inovasi MARDI



25 Oktober | Kompleks LKIM Besut
Lawatan Kerja & Majlis Dialog Nelayan Besut.



4-6 Oktober | Hotel Paya Bunga, Terengganu
Majlis Perasmian Simposium Agrobiodiversiti dan Agroperskitaran



17 Oktober 2022 | Padang Besar
Lawatan Kerja KSU ke Kompleks Kuarantin MAQIS.



18 Oktober | Dewan Merdeka, WTC KL
Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT)



18 Oktober 2022 | Wisma Tani, Putrajaya
Kunjungan Hormat Duta Delegasi Indonesia.



19 Oktober | Wisma Tani, Putrajaya
Kunjungan Hormat Delegasi Uganda ke MAFI.



11 Oktober | Dewan SerbaGuna MAFI, Wisma Tani
Bicara Integriti Siri 4 Tahun 2022



8 Oktober | Negeri Sembilan
Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia



15 Oktober | Melaka
Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia



22 Oktober | Mega Don Quijote, Shibuya
Malaysia Fair telah diadakan dengan Kerjasama Mega Don Quijote, Shibuya.

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:

YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

KETUA EDITOR:

MOHAMMAD EZRI BIN SHAMSUDDIN

EDITOR:

SALMAH BINTI RAMLI

NURIL MUTMAINNAH ROSLAN

PENULIS:

SARI NOR AMRIYAH

SAIYASWARY A/P SURNARAYANA

GRAFIK:

SURAIYA HANI BINTI ZAMARI

NABILLAH ZAMRI

JURU FOTO:

MOHD NAJIB BIN ABDUL JABAR

KHAIRUL ANWAR

IDEA, KONSEP & TERBITAN:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, MAFI